

PM minta Adun BN dampingi rakyat

BH 23 MAR 1994

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingati Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) Sabah melipatgandakan usaha merapatkan hubungan dengan rakyat bagi menjamin kekuatan Kerajaan Sabah Baru.

Perdana Menteri juga menasihatkan Adun terbabit berpegang kepada semangat perkongsian kuasa BN serta menerima hakikat bahawa yang menang tidak akan mendapat semua.

Ingatan itu disampaikan oleh Dr Mahathir sewaktu ditemui semua Adun BN Sabah, diketuai Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini jam 5 petang semalam.

Setiausaha BN Sabah, Karim Bujang, berkata dalam pertemuan itu Perdana Menteri menegaskan setiap Adun BN mesti berpegang kepada konsep, falsafah serta semangat BN secara mutlak.

"Ini penting kerana menurut Perdana Menteri, Kerajaan Sabah Baru bukan saja menghadapi cabaran sengit, malah memikul tugas berat," katanya ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

Katanya, Adun BN Sabah yang hadir pada pertemuan selama kira-kira sejam itu termasuk dari Umno, Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Karim berkata, Perdana Menteri turut meminta Kerajaan Sabah berpe-

gang kepada konsep bersih, cekap dan amanah dalam mentadbir negeri.

Sehubungan dengan itu, beliau menggariskan lima perkara utama yang akan diberi keutamaan dalam pemerintahan Kerajaan Sabah Baru iaitu:

- Merapatkan semula perhubungan di antara kerajaan negeri dan Persekutuan

- Memulih dan membangunkan ekonomi negeri Sabah supaya dapat dinikmati rakyat

- Membawa pembangunan secepat mungkin kerana Sabah masih jauh ketinggalan berbanding negeri lain

- Mengatasi masalah sejagat seperti pengangguran dan pendatang tanpa izin

- Menyusun serta mengemukakan jentera

pentadbiran negeri bagi membolehkannya berfungsi secara berkesan.

Karim berkata, dengan penubuhan kerajaan BN di Sabah bermakna segala janji yang terkandung dalam manifesto pilihan raya negeri bulan lalu mesti ditunaikan demi kebaikan rakyat keseluruhannya.

Mengenai susunan Kabinet kerajaan negeri yang baru, beliau berkata, komposisinya merangkumi semua kaum di Sabah dan dijangkakan tidak timbul sebarang masalah.

"Jika pemimpin parti komponen BN menerima pesanan Dr Mahathir semalam, saya percaya tidak berbangkit soal perselisihan faham walaupun di peringkat awal mungkin lahir perasaan kurang senang," katanya.